

Pembangunan Modul Prigel Kohesi dalam Penulisan Karangan Murid Tingkatan 4: Satu Analisis Keperluan

(Development of Module Prigel Cohesion in Writing Essays Form 4 Students: A Needs Analysis)

Nor Akma Mat Nawi¹, Dahlia Janan^{2*}

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: norakmatnawi@gmail.com

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: dahlia@fbk.upsi.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Dahlia Janan
(dahlia@fbk.upsi.edu.my)

KATA KUNCI:

Kohesi
Kohesi perulangan
Kemahiran menulis
Analisis keperluan

KEYWORDS:

Cohesion
Repetition cohesion
Writing skills
Needs analysis

CITATION:

Nor Akma Mat Nawi, & Dahlia Janan. (2024). Pembangunan Modul Prigel Kohesi dalam Penulisan Karangan Murid Tingkatan 4: Satu Analisis Keperluan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), e002840. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2840>

ABSTRAK

Kohesi, iaitu, pertautan antara kata, frasa, klausa dan ayat merupakan salah satu ciri wacana yang penting dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti. Perkara ini berkait rapat dengan kemahiran menulis di sekolah dan dengan adanya pelbagai alat kohesi seperti kohesi jenis perulangan kualiti wacana kemahiran ini mampu ditingkatkan. Kajian ini merupakan analisis keperluan dalam fasa satu reka bentuk kajian *Design and Development Research* (DDR). Tujuan kajian analisis keperluan ini dilaksanakan adalah bagi mengenal pasti keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan. Kajian dilakukan secara kualitatif menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Seramai lapan orang informan terdiri daripada pakar kurikulum, pakar wacana dan pakar guru bahasa Melayu telah ditemu bual. Semua pakar ini telah dipilih secara pensampelan bertujuan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Data temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti 9. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat keperluan bagi penyelidik membangunkan modul kohesi perulangan dalam penulisan karangan murid di sekolah. Oleh itu, diharapkan modul ini dapat digunakan oleh guru dan murid sebagai panduan dalam menghasilkan penulisan karangan yang berkohesi sekaligus membantu kemahiran menulis dengan lebih baik.

ABSTRACT

Cohesion, that is, the link between words, phrases, clauses and sentences is one of the important features of discourse in producing quality writing. This matter is closely related to writing skills at school and with the availability of various cohesion tools such as cohesion of the repetition type of discourse, the quality of this skill can be improved. This

study is a requirements analysis in phase one of the Design and Development Research (DDR) study. The purpose of this needs analysis study is to identify the need for the development of modules based on repetition type cohesion. The study was conducted qualitatively using a semi-structured interview method. A total of eight informants consisting of curriculum experts, discourse experts and Malay language teacher experts were interviewed. All these experts have been selected by purposive sampling and meet the set criteria. The interview data was analyzed using thematic analysis with the help of ATLAS.ti 9 software. The findings of this study show that there is a need for researchers to develop a repetition cohesion module in student essay writing at school. Therefore, it is hoped that this module can be used by teachers and students as a guide in producing cohesive essay writing as well as helping to improve writing skills.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa terdapat keperluan pembangunan modul berasaskan kepada kohesi perulangan sebagai panduan dalam menghasilkan penulisan karangan yang berkohesi sekaligus meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid.

1. Pengenalan

Menulis merupakan salah satu kemahiran asas yang digunakan dan dipupuk dalam mendidik murid serta berperanan penting dalam proses penghasilan bahasa (Graham et al., 2013; Fareed et al., 2016; Rostanti Toba et al., 2019). Penulisan berkualiti dapat ditingkatkan dengan penggunaan rubrik dalam pengajaran (Dahlia et al., 2020). Oleh itu, kemahiran menulis ialah asas atau dasar yang utama kemahiran berbahasa dalam pengajaran dan pembelajaran selain membaca dan bertutur. Harapan kemahiran ini dalam bidang akademik ialah murid dapat menggabungkan idea untuk membina maklumat baharu dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti (Yunus et al., 2019; Audi Yundayani et al., 2020). Perkara ini sejajar dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2019), iaitu, keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui merupakan kriteria dalam kemahiran menulis.

Walau bagaimanapun, terdapat permasalahan dalam penulisan karangan yang dihasilkan oleh murid terutamanya dalam aspek kohesi. Menurut Gatcho dan Ramos (2020) melalui 211 kajian mengenai penulisan pelbagai bidang, didapati masalah utama menulis ialah kurang penjelasan dan contoh, iaitu, 27.01%, idea yang kabur 20.85% dan ayat atau idea kurang kohesi, iaitu, 19.91%. Dalam aspek kohesi permasalahan ini berlaku kerana penyatuan kata, frasa dan ayat kurang digunakan dan pemilihan alat kohesi yang kurang tepat. Melalui kajian lalu yang dilakukan oleh Yates dan Kenkel (2002), Ahmed (2010), Ariyanti dan Fitriana (2017) serta Belkhir dan Benyelles (2017) turut menyentuh berkenaan penggunaan kohesi yang kurang tepat sebagai salah satu masalah penulisan karangan dalam kalangan murid.

Sehubungan itu, kepelbagaian teknik, strategi, kaedah dan pendekatan diperlukan dalam mengatasi masalah kohesi untuk meningkatkan mutu penulisan karangan dalam kalangan murid. Proses pengajaran juga perlu mengambil kira murid bukan penutur natif

kerana sukar memahami hal berkaitan kohesi (Dahlia et al. 2024). Perkara ini turut diperkatakan oleh Deane et al. (2008) dan Masadeh, 2019), iaitu, penulisan karangan berkohesi dapat ditingkatkan kualiti melalui kemahiran dan amalan oleh guru berasaskan teknik dan strategi yang berterusan. Hal ini demikian kerana tanpa ayat yang berkohesi, pembaca akan berasa seolah-olah mereka membaca senarai panjang yang tiada kaitan idea (Nurmasitah & Jama'yah, 2015; Masadeh, 2019). Oleh itu, masalah penulisan karangan yang tidak mempunyai tautan atau kohesi haruslah diberikan perhatian sebaik mungkin dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan oleh penyelidik berdasarkan keperluan untuk mendapatkan data bagi membangunkan Modul *Prigel* Kohesi. Fasa analisis keperluan merupakan fasa pertama dalam kajian reka bentuk dan pembangunan bertujuan untuk mengenal pasti asas keperluan pembangunan sesuatu produk (Saedah Siraj et al., 2020), iaitu, reka bentuk modul (Mohd Ridzuan et al., 2021).

Objektif kajian bagi fasa analisis keperluan adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan.

Berdasarkan objektif kajian, penyelidikan ini bertujuan mendapatkan jawapan bagi persoalan berikut:

- i. Apakah pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan?

2. Sorotan Literatur

Model sandaran kohesi jenis perulangan dalam penyelidikan ini menggunakan Model Pengajaran Unsur Tautan (MPUT) Zamri dan Abdull Sukor (2009) terdiri daripada kohesi perulangan sama, sama maksud dan rujukan. Berdasarkan sorotan kohesi yang dilakukan penyelidik, MPUT Zamri dan Abdull Sukor (2009) berasaskan kepada Model Halliday dan Hassan (1976) jenis leksikal yang dipermudahkan istilahnya. Oleh itu, penyelidik memilih menggunakan jenis kohesi perulangan dalam MPUT Zamri dan Abdull Sukor (2009) kerana istilahnya mudah difahami oleh murid. Perkara ini bertepatan dengan tujuan asal binaan model ini, iaitu, memudahkan istilah agar tidak membebankan murid dengan penggunaan istilah linguistik yang sukar difahami. Hal ini demikian kerana penggunaan istilah yang mudah dalam pengajaran dapat meningkatkan pemahaman mendalam murid dalam sesuatu topik (Mohd Fadzeli et al., 2015; Yucheng Dong et al., 2015; Nordin & Yunus, 2021).

3. Metod Kajian

Kajian Reka bentuk dan Pembangunan (DDR) oleh Richey dan Klein (2007) digunakan bertujuan untuk membangunkan modul kohesi perulangan dalam penulisan karangan murid tingkatan empat.

Melalui kajian ini, pada fasa pertama, iaitu, analisis keperluan, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah protokol temu bual separa berstruktur melibatkan lapan orang informan, iaitu, pakar pembangunan kurikulum Bahasa Melayu, pakar

wacana Bahasa Melayu dan guru pakar Bahasa Melayu yang dipilih secara persampelan bertujuan.

Menurut Swanson dan Holton (2009), Fauzi Hussin et al., (2018) dan Mohd Faiz et al., (2020), seseorang itu dianggap pakar apabila mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam sesuatu bidang, mempunyai kelayakan akademik yang tinggi dan pemilihannya sesuai dengan kajian yang dijalankan (Gambatese et al., 2008; Mohd Ridhuan, 2016) serta mestilah konsisten dalam bidang kepakaran mereka melebihi lima tahun (Berliner, 2004; Mohd Faiz et al., 2020).

Soalan protokol temu bual yang telah dibangunkan penyelidik berpandukan tema-tema yang dikenal pasti menerusi tinjauan literatur dan kesahan pakar bahasa serta kandungan melalui kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Temu bual secara dalam talian menggunakan perisian *Google Meet* telah dijalankan terhadap lapan informan atas sebab pilihan informan bagi mengelakkan penularan Covid-19. Seorang informan temu bual dijalankan secara bersemuka atas pilihan informan dengan mengambil kira langkah pencegahan penularan Covid-19 mengikut SOP (*Standar Operasional Prosedur*) yang telah ditetapkan oleh Kementerian kesihatan Malaysia. Hasil temu bual ini direkodkan berdasarkan persetujuan informan, ditranskripsikan secara verbatim dan analisis data menggunakan perisian Atlas. ti 9.

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi Informan Kajian

Jadual 1 menunjukkan demografi informan kajian temu bual separa berstruktur:

Jadual 1: Demografi Informan

Aspek	Kategori	Bilangan
Pengalaman kepakaran	5-10 tahun	0
	11-20 tahun	4
	21-30 tahun	3
	> 31 tahun	1
Bidang kepakaran	Ketua Penolong Pengarah Unit Bahasa Melayu Sektor Bahasa dan Kesusasteraan	1
	Pensyarah Bahasa Melayu (Wacana)	2
	Guru Kanan Mata Pelajaran Bahasa Melayu	1
	Guru Pakar Bahasa Melayu	1
	Ketua Panitia Bahasa Melayu	1
	Guru Bahasa Melayu	2

Berdasarkan Jadual 1, seramai lapan orang informan telah terlibat dalam sesi temu bual separa berstruktur yang dijalankan secara dalam talian dan bersemuka oleh penyelidik. Didapati seramai empat informan mempunyai pengalaman kepakaran antara 11 hingga 20 tahun dan empat informan antara 21 hingga 30 tahun.

Keseluruhan informan yang telah ditemu bual mempunyai kepakaran dalam bidang seperti pakar kurikulum bahasa Melayu, pakar wacana bahasa Melayu dan pakar guru bahasa Melayu.

Setelah temu bual dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti 9, informan bersetuju bahawa terdapatnya keperluan dalam membangunkan modul kohesi perulangan dan turut menjelaskan justifikasi pembangunannya.

4.2. Keperluan Membangunkan Modul Kohesi Perulangan

Jadual 2 merupakan hasil laporan transkrip (*quotations*) pengekodan terbuka keperluan modul kohesi perulangan mengikut kategori modul kohesi perulangan menggunakan perisian Atlas.ti 9.

Jadual 2: Laporan Transkrip (*Quatations*) Pengekodan Terbuka Subkategori Keperluan Pembangunan Modul Kategori Modul Kohesi Perulangan Menggunakan Perisian Atlas.ti

Keperluan Pembangunan Modul Kategori Modul Kohesi Perulangan	
Pakar	Petikan Temu bual
Pakar KPM	<p><i>... bagaimana hendak mewujudkan wacana dalam penulisan tersebut menyebabkan penulisan jadi menarik ...</i></p> <p><i>... saya rasa dengan adanya wacana ini dan dengan kohesi tadi akan menghasilkan penulisan yang baik.</i></p> <p><i>Sesuai. Amat sesuai dan perlu ada kaedah, mungkin dalam penghasilan modul, tapi modul itu mesti jelas bukan sekadar perlu buat ini, buat ini, tetapi tidak, modul itu perlu ada kaedah penggunaannya, jelas, supaya cikgu boleh dibantu terutamanya yang bukan opsyen bahasa, bagaiman dia hendak mendapatkan tautan, bagaimana dikatakan tautan dalam penulisan itu, antara ayat itu.</i></p> <p><i>Boleh, tiada masalah. Bagi saya sebagai nilai tambah kepada pengetahuan cikgu dan kaedah cikgu hendak laksanakan ...</i></p>
Pakar Guru 1	<p><i>Saya sangat setuju dengan adanya modul tersebut ...</i></p> <p><i>Jadi apabila adanya modul yang menerangkan tentang tautan antara ayat jadi dapat dijadikan panduan kepada murid supaya mereka lebih cekap untuk menghasilkan karangan, untuk membina ayat yang baik, huraian yang jelas, karangan yang kita baca itu kita rasa, oh bagus, jadi saya rasa modul yang seperti itu sangat diperlukan untuk semua murid.</i></p>
Pakar Pensyarah 1	<p><i>... saya kira kalau kita nak membina modul khas tentang tautan ini, sesuai untuk penyelidikan, boleh. Tapi sama ada sesuai untuk peringkat sekolah kita kena melihat dulu apakah modul Bahasa Melayu yang sedia ada ...</i></p>
Pakar Pensyarah 1	<p><i>Jadi agaknya begini, modul yang sedia ada tu kita sisipkan, kita teliti modul Bahasa melayu yang sedia ada. Kita tengok topik kajian kita ini di mana letaknya dalam modul sedia ada. Kita bukan buat benda baru, kita sisipkan, konsepnya kita sisipkan ...</i></p>
Pakar Pensyarah 1	<p><i>Saya rasa ada, tapi komponen awak ni mungkin tak pasti la, mungkin tak de atau mungkin sikit la. Jadi awak ada ruang yang banyak untuk tambah baik, ...</i></p>
Pakar Pensyarah 2	<p><i>Tentang binaan modul khas itu saya setuju, ya, Insyallah dapat diatasi masalah ini ...</i></p>

... guru dia kena mempunyai ilmu yang tadi secara khusus katakan nak mengajarkan tautan ...

... kita nak memahami sesuatu nak mengaplikasikan sesuatu kena mengajarkannya secara khusus.

Jadi penyusunan ini memerlukan ilmu, jadi bukanlah yang disebut sebagai satu kumpulan ayat tetapi sebagai satu susunan ayat, is not a collaction of sentences but an arrangement of sentences (penyusunannya), so arranging of sentences menyusun ayat memerlukan ilmu, ilmu ini yang dapat didukung oleh ilmu tatabahasa nahu atau wacana.

Pakar Guru 2 *Saya rasa idea itu menarik kalau boleh diadakan, saya orang pertama saya hendak cuba. Maksudnya, hendak mencuba menggunakannya. Sebab so far saya tidak pernah jumpa lagi modul karangan yang menekankan tentang tautan ayat, biasanya kebanyakan modul karangan dijual di kedai atau yang dihasilkan oleh PPD ke lebih kepada bagaimana cara hendak berfikir untuk hendak mendapatkan idea untuk setiap perenggan ataupun isi. Tapi dari segi orang kata cara hendak mengajar bagaimana idea tersebut hendak ditautkan antara satu sama lain itu saya tidak pernah jumpa lagi. Jadi kalau modul ini boleh diwujudkan itu idea yang menarik dan saya teringin mencuba.*

Ya, jadi panduan, juga mungkin guru boleh pelbagaikan bentuk aktiviti selain daripada bagi soalan, discuss isi, ok jawab. Maksudnya, bila ada modul yang berkaitan dengan tautan mungkin aktiviti untuk karangan boleh dipelbagaikan.

Pakar Guru 3 *Ya, perlu. Saya rasa jikalau ada modul seperti inikan, saya rasa, boleh dijadikan panduan kepada guru ataupun kepada murid juga supaya mereka lebih tahu menggunakan, dapat menyelesaikan masalah ...*

Pakar Guru 4 *Kalau bagi saya, orang katakan modul ke bahan ke yang boleh membantu orang kata menjadikan sesuatu itu lebih baik saya rasa perlulah ...*

Pakar Guru 5 *... kami amat memerlukan modul sebegitu kalau ada untuk memudahkan lagi para pelajar untuk belajar.*

Saya rasa perlu kerana jikalau kita lihat penyebaran ilmu tentang tautan ini bukanlah dikuasai oleh semua guru.

Berdasarkan [Jadual 2](#), terdapat sembilan belas petikan hasil temu bual pakar bagi subkategori keperluan modul kohesi perulangan kategori keperluan modul kohesi perulangan tema keperluan pembangunan modul kohesi perulangan. Keperluan yang pertama adalah untuk menjawab penyelesaian permasalahan mewujudkan wacana dalam binaan karangan agar penulisan menjadi lebih baik seperti yang dipersoalkan oleh Pakar KPM. Beliau berpendapat wacana dengan adanya kohesi merupakan salah satu caranya. Oleh itu, proses ini memerlukan ilmu wacana, iaitu, penyusunan ayat menurut Pakar Pensyarah 2 dan untuk mengaplikasikannya pengajarannya hendaklah secara khusus. Perkara ini turut disokong oleh Pakar Guru 5 kerana penyebaran ilmu wacana terutamanya kohesi tidak dikuasai oleh semua guru.

Oleh itu, pembangunan modul kohesi perulangan ini dilihat memenuhi keperluan untuk binaannya. Buktinya, Pakar KPM menyatakan bahawa modul ini amat sesuai dibina dengan kaedah yang jelas. Seterusnya, pembangunan modul ini turut dipersetujui oleh Pakar Guru 1 dan merupakan satu idea yang sangat menarik menurut Pakar Guru 2. Selain itu, pembangunan modul ini juga sangat perlu dalam membantu murid memahami tautan dalam penulisan karangan menurut pandangan Pakar Guru 3, Pakar Guru 4 dan Pakar Guru 5.


Seterusnya, keperluan pembangunan ini dilihat dalam proses membantu guru dan murid memahami proses kohesi dalam penulisan karangan. Menurut Pakar KPM, proses ini dapat membantu guru terutamanya yang bukan opsyen cara membuat pertautan antara ayat dalam penulisan. Beliau juga melihat proses ini bukan sebagai satu masalah malahan sebagai nilai tambah kepada pengetahuan guru dan disokong oleh Pakar Pensyarah 2, iaitu, guru haruslah mempunyai ilmu khusus untuk mengajarkan proses ini. Selain itu, keperluannya juga sebagai salah satu panduan khusus dalam memahami proses ini menurut Pakar Guru 1 dan turut disokong oleh Pakar Guru 2 agar memudahkan murid belajar. Pakar Guru 1 juga menjelaskan bahawa proses ini membantu murid menghasilkan karangan dengan baik dari segi binaan ayat dan huraian yang jelas serta memberi gambaran yang baik kepada pembaca.

Berikut merupakan kecenderungan pakar terhadap keperluan pembangunan modul kohesi perulangan menggunakan perisian Atlas.ti 9 yang ditunjukkan melalui [Jadual 3](#) dan diaplikasikan menggunakan *Sankey Diagram* seperti dalam [Rajah 1](#).

Jadual 3: Keperluan Pembangunan Modul Kohesi Perulangan

Pakar	1	2	3	4	5	6	7	8
Kod Keperluan	2	2	1	1	2	4	3	4
Jumlah	19							

Rajah 1: *Sankey Diagram* Kecenderungan Pakar Terhadap Keperluan Pembangunan Modul Kohesi Perulangan Menggunakan Perisian Atlas.ti 9.



Melalui *Sankey Diagram* yang terhasil seperti [Rajah 1](#), penyelidik dapat melihat alur kecenderungan perbincangan pakar dalam keperluan pembangunan modul kohesi perulangan. Didapati bahawa kecenderungan persetujuan keperluan pembangunan paling tinggi bagi pakar pembangunan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dan pakar pensyarah universiti awam bidang wacana. Bagi pakar guru pula persetujuan kecenderungan perbincangan keperluan tinggi dalam kalangan guru cemerlang, guru kanan mata pelajaran dan ketua panitia berbanding guru mata pelajaran bahasa Melayu.

5. Kesimpulan

Melalui kecenderungan pendapat pakar dapat disimpulkan bahawa pembangunan modul kohesi perulangan mendapat persetujuan majoriti pakar yang merangka hala tuju ke arah memantapkan lagi pedagogi bahasa Melayu. Perkara ini jelas berdasarkan pendapat mereka yang menyimpulkan bahawa keperluan pembangunan modul ini sebagai salah satu panduan dalam menghasilkan karangan dengan wacana yang baik melalui salah satu cirinya, iaitu, kohesi.

Selain itu, keperluan juga dilihat dari segi perlunya ilmu wacana berkaitan pertautan antara ayat ini diaplikasikan secara khusus melalui binaan modul dengan perincian yang jelas mengenainya. Dalam konteks kohesi yang menjadi fokus oleh penyelidik, iaitu, kohesi perulangan, keperluan binaan modul dilihat sangat perlu bagi membantu guru dan murid memahami konsep ini jelas sebagai salah satu cara membina karangan yang baik.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (RIMCUPSI). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini menerima tajaan dan bantuan kewangan daripada pihak KPM (HLPPHDCBBP) dan UPSI.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.

Rujukan

- Ahmed, A. H. (2010). Students' problems with cohesion and coherence in EFL essay writing in Egypt: Different perspectives. *Literacy Information and Computer Education Journal (LICEJ)*, 1(4), 211-221.
- Ariyanti, A., & Fitriana, R. (2017). EFL students' difficulties and needs in essay writing. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, 158, 111-121.
- Audi Yundayani, Dian Kardijan & Rainy Dwi Apriliani. (2020). The impact of pbworks application on vocational students' collaborative writing skill. *Cakrawala Pendidikan (Jurnal Ilmiah Pendidikan)*, 39(3), 694-704.
- Belkhir, A. & Benyelles, R. (2017). Identifying EFL learners essay writing difficulties and sources: A move towards solution the case of Second Year EFL Learners at Tlemcen University. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 16(6), 80-88.
- Berliner, D. C. (2004). Describing the behavior and documenting the accomplishments of expert teachers. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 24(3), 200-212.
- Dahlia Janan, Mohammad Hafiz Mohammad Tarmizi, Punaji Setyosari, Norliza Jamaluddin, Siti Saniah Abu Bakar & Lin Chia Ying. (2024). Model Of Teaching Malay Language To Non-Native And Foreign Speaker. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 21(1), 1-38.
- Dahlia Janan, Norzalina Noor & Mahzan Arshad. (2020). Validasi terhadap rubrik sebagai alat pengukuran penulisan ilmiah melalui penskoran sendiri pelajar terhadap tugas. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 17(1), 159-186.
- Deane, P., Quinlan, T., Odendahl, N., Welsh, C. & Bivens-Tatum, J. (2008). *Cognitive models of writing: Writing proficiency as a complex integrated skill*. Princeton University, New Jersey: ETS.
- Fareed, M., Ashraf, A., & Bilal, M. (2016). ESL learners' writing skills: Problems, factors and suggestions. *Journal of Education and Social Sciences*, 4(2), 81-92.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifol Zamzuri Noor. (2018). *Kaedah penyelidikan & analisis data SPSS*. UUM Press: Sintok.
- Gambatese, J. A., Behm, M. & Rajendran, S. (2008). Design's role in construction accident causality and prevention: Perspectives from an expert panel. *Safety Science*, 46(4), 675-691.
- Gatcho, A. R. & Ramos, E. T. (2020). Common writing problems and writing attitudes among Freshman University Students in online learning environments: An exploratory study. *Journal of Translation and Language Studies*, 1(1), 49-66.
- Graham, S., Gillespie, A. & McKeown, D. (2013). Writing: Importance, development, and instruction. Reading and writing, springer science, business media B.V. *Reading and Writing*, 26(1), 1-15.
- Halliday, M. A. K. & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Dokumen Tingkatan 4&5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Masadeh, T. S. (2019). Cohesion and coherence in the writings of Saudi Undergraduates Majoring in English. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(3), 200-208.
- Mohd Fadzeli Jaafar, Idris Aman & Norsimah Mat Awal. (2015). Analisis kohesi wacana Sains berdasarkan Teori Nahu Fungsian. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 1-19.
- Mohd Faiz Mohd Yaakob, Aliff Nawati, Mat Rahimi Yusof, Mohd Sofian Omar Fauzee, Hapini Awang, Haresol Khun-Inkeeree, Mohd Affendi Ahmad Pozin & Akhmad Habibi.

- (2020). A quest for experts' consensus on the Geo-Education Module using *Fuzzy Delphi* analysis. *Universal Journal of Educational Research*, 8(7), 3189-3203.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil. (2016). *Pembangunan Model Kurikulum Latihan SkiVes bagi Program Pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan Kerja* (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Mohd Ridzuan Padzil, Aidah Abd Karim & Hazrati Husnin. (2021). Employing DDR to Design and Develop a Flipped Classroom and Project based Learning Module to Applying Design Thinking in Design and Technology. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications (IJACSA)*, 12(9), 791-798.
- Nordin, S., & Yunus, K. (2021). Modelling teachers' behaviour in ICT usage. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2), 984-994.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. (2015). Kohesi gramatikal penghubung dalam karangan berbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3(1), 101-113.
- Richey, R. C. & Klien, J.D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issue*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publisher.
- Rostanti Toba, Widya Noviana Noor & La Ode Sanu. (2019). The current issues of Indonesian EFL students' writing skills: Ability, problem, and reason in writing comparison and contrast essay. *Dinamika Ilmu*, 19(1), 57-73.
- Saedah Siraj, Muhd Ridhuan Tony Lim Abdullah & Rozaini Muhd Rozkee. (2020). *Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan: Aplikasi kepada penyelidikan Pendidikan*. Tanjong Malim: Nur Niaga Sdn. Bhd.
- Swanson, R. A. & Halton, E.F. (2009). *Foundations of human resource (2nd Edition)*. San Francisco, Calif: Berrett-Koehler Publishers.
- Yates, R. & Kenkel, J. (2002). Responding to sentence-level errors in writing. *Journal of Second Language Writing*, 11(1), 29-47.
- Yucheng Dong, Xia Chen & Francisco, H. (2015). Minimizing adjusted simple terms in the consensus reaching process with hesitant linguistic assessments in group decision making. *Information Sciences*, 207(10), 95-117.
- Yunus, M. M., Hashim, H. & Edwin, Ho, K. J. (2019). The "Branches Map" method and ESL students' motivation in essay writing. *Revista de Ciencias Sociales y Humanidades*, 4(19), 286-291.
- Zamri Salleh & Abdull Sukor Shaari. (2009). Kesan Model Unsur Tautan terhadap pengajaran karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 55-78.